

PERSEPSI DAN PENCAPAIAN SEBENAR PELAJAR KURSUS APLIKASI KOMPUTER DI KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK KOTA BHARU

Hartini binti Hardono^{1,*}, Ira Fazlin binti Mohd Fauzi², Nik Mohd Hafiz bin Abdul Razak³

¹ Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. ² Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia..

³ Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
¹hartini@pkb.edu.my, ²ira@pkb.edu.my, ³hafiz@pkb.edu.my

Received 7 Mei 2023: Accepted 9 July 2023: Available online 1 November 2023

Abstrak

Perisian aplikasi seperti Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint merupakan aplikasi asas dalam perisian komputer. Sebagai pendidik, adalah wajar untuk mengetahui secara jelas tahap kemahiran pelajar ini agar tidak mempunyai pelbagai tanggapan dan persepsi berbeza terhadap tahap kemahiran pelajar-pelajar dalam penggunaan perisian aplikasi ini. Untuk itu, kajian ini dijalankan bagi melihat perbandingan antara persepsi tahap kemahiran dengan pencapaian sebenar pelajar dalam menggunakan perisian aplikasi seperti Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint.. Seramai 136 orang pelajar di Politeknik Kota Bharu yang mengikuti kursus Aplikasi Komputer dari Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Perdagangan telah dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik berkaitan persepsi tahap kemahiran pelajar dalam Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint. Dalam menguji perbandingan ini hasil analisis soalan soalselidik dan penilaian Labwork telah digunakan untuk membuat perbandingan signifikan dengan menggunakan analisa T-Test dan ANOVA sehalu. Hasil dapatan menunjukkan terdapatnya perbandingan yang signifikan bagi pelajar dalam menggunakan Ms Powerpoint. Disamping itu hubungkait antara pembolehubah juga diuji dengan menggunakan analisa Correlation Pearson dan hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang lemah antara persepsi tahap kemahiran dan penilaian sebenar dalam Labwork. Oleh itu, pensyarah memainkan peranan yang penting dengan memberi teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar sebagai persediaan dalam menempuh alam pekerjaan.

Kata kunci: Aplikasi Komputer, persepsi tahap kemahiran, pencapaian sebenar, perisian aplikasi

Pengenalan

Penggunaan komputer dan perkembangan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian banyak membantu dalam menyelesaikan tugas yang diberi baik dalam bidang pekerjaan, pendidikan, penyelidikan, kejuruteraan dan sebagainya. Penggunaan komputer juga dapat menjimatkan masa dalam menyelesaikan satu tugas yang mengambil tempoh masa yang lama. Oleh kerana itu kemahiran dalam menggunakan komputer merupakan aspek yang penting kepada pelajar dalam menamatkan pengajian dan menempuh alam pekerjaan. Penggunaan perisian aplikasi Microsoft seperti Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint merupakan aplikasi yang tidak asing lagi bagi pelajar pada masa kini dalam menyediakan laporan, menyiapkan tugas, membuat pembentangan dan melakukan pengiraan serta analisis. Memandangkan penggunaan perisian aplikasi yang meluas di seluruh dunia maka semestinya pelajar perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menggunakan aplikasi ini.

Menurut Parker et. al (1999), bukan cabaran yang mudah bagi syarikat atau majikan untuk mencari peluang dalam membangunkan perusahaan yang melibatkan kemahiran teknikal sebenar dengan kemahiran mengikut kurikulum. Bailey J. et al (2000), turut menyatakan ada syarikat industri perlu melatih pekerja yang mengambil masa selama berminggu dan bertahun bagi mendapatkan tenaga kerja yang mahir walaupun diberi gaji sebenar.

Di Amerika Syarikat dalam menghadapi cabaran dalam perkembangan ekonomi global, adalah menjadi penting untuk mendapatkan seseorang pekerja mempunyai pengetahuan dan kesediaan dalam teknologi maklumat. Oleh itu, mereka perlu merebut peluang secara formal dan bukan formal dalam meningkatkan kecekapan dalam penggunaan komputer. Dalam perkembangan terkini literasi komputer mungkin akan menjadi masalah kritikal sama seperti literasi dalam membaca dan menulis.(Donna M. et al, 2009).

Kekuatan dalam teknologi adalah dengan menyediakan platform yang terbaik di mana pelajar dapat mengumpul maklumat dalam pelbagai format dan mengurus jaringan serta mengkaji hubungkait antara fakta dan peristiwa yang berlaku. Keperluan mengenai maklumat membolehkan pelajar memikir dan mengkaji pembelajaran yang lebih berkesan dalam peringkat global dan digital pada masa hadapan. (Stratham & Torell, 1996).

Melalui perkembangan teknologi terkini, permintaan terhadap pekerja yang mahir dalam penggunaan komputer didapati semakin meningkat selaras dengan arus globalisasi. Keperluan bagi pekerja mahir komputer kini mencakupi banyak bidang dan bukan pada bidang komputer sahaja. Pelajar juga dapat melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi dengan mudah jika mahir dalam menggunakan komputer. Selain itu, didapati banyak kemudahan dan fasiliti komputer telah disediakan di institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam komputer.

KURSUS APLIKASI KOMPUTER

Kemahiran pelajar dalam menggunakan perisian aplikasi Microsoft memberi impak kepada hasil pembelajaran dan pengajaran terutamanya pelajar di institusi pengajian tinggi. Kebanyakan subjek memerlukan kemahiran komputer dalam menyiapkan tugas, laporan dan pembentangan. Disebabkan ini pihak pengurusan di Politeknik Kota Bharu telah menawarkan kursus Aplikasi Komputer bagi memberi pendedahan dan persediaan kepada pelajar dalam menempuh alam pekerjaan.

Di Politeknik Kota Bharu kursus ini ditawarkan kepada pelajar dari dua jabatan iaitu Jabatan Perdagangan bagi pelajar yang mengikuti Program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan Program Diploma Pemasaran (DPR) manakala di Jabatan Kejuruteraan Awam pula adalah pelajar yang mengikuti Program Diploma Ukur Bahan (DUB). Melalui kursus ini pelajar bukan sahaja didedahkan dengan penggunaan perisian aplikasi Microsoft malah pelajar turut didedahkan dengan pengetahuan mengenai etika penggunaan internet dan email. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi.

Melalui kursus ini penilaian pelajar dinilai berdasarkan hasil pembelajaran atau Course Learning Outcome (CLO). CLO pelajar dinilai secara praktikal dan teori di mana pelajar akan diberi pendedahan berdasarkan topik pengajaran iaitu: Topik 1: Word Processing (Ms Word); Topik 2: Spreadsheet (Ms Excel); Topik 3: Presentation (Ms Powerpoint); Topik 4: Project

Management (Ms Project); Topik 5: Digital Ettique; Topik 6: Internet and Email. Pemarkahan dinilai melalui Labwork, Mini Project dan Theory Test.

Untuk kajian ini, data daripada penilaian labwork pelajar dan soalan kajiselidik telah digunakan dalam melihat perbandingan antara pencapaian mengikut perspektif dengan pencapaian sebenar melalui markah labwork. Melalui penilaian ini membolehkan analisa mengenai perkaitan antara tahap kemahiran pelajar dinilai bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana walaupun pelajar banyak didedahkan dengan penggunaan gajet dan telefon pintar tetapi tidak semestinya pelajar tersebut mahir dalam menggunakan perisian aplikasi dan mempunyai pengetahuan dalam teknologi maklumat.

Selain itu, bagi memastikan tahap kebolehpasaran pelajar yang tinggi di politeknik banyak usaha perlu dilakukan dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan komputer. Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kemahiran pelajar seperti sikap pelajar, fasiliti komputer yang disediakan, pendapatan keluarga, capaian internet dan kursus atau latihan yang ditawarkan merupakan faktor yang perlu diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi memastikan pelajar tidak mengalami masalah keciciran dalam penggunaan computer.

Menurut Johnson, Bartholomew, & Miller (2006), persediaan pelajar bagi peluang pekerjaan memerlukan sokongan daripada syarikat industri untuk memastikan graduan yang produktif. Pendidik perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengenalpasti, membangunkan dan mencipta kurikulum yang akan menamatkan pengajian pada masa hadapan. (Hunt & Per reault, 1999; Wang, 2007).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini melibatkan beberapa objektif iaitu:

1. Mengkaji perbandingan tahap signifikan perspektif kemahiran pelajar dengan pencapaian sebenar dalam penilaian.
2. Mengkaji hubungkait antara tahap perspektif kemahiran pelajar dengan pencapaian sebenar pelajar dalam penilaian..

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi untuk kajian ini dijalankan secara kuantitatif dimana soalan kajiselidik telah diedarkan kepada pelajar secara atas talian menggunakan Google Form. Respoden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Politeknik Kota Bharu di semester 1, 3 dan 5 di Jabatan Perdagangan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Awam. Antara program yang terlibat adalah Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), Diploma Pemasaran (DPR) dan Diploma Ukur Bahan (DUB). Kesemua responden merupakan pelajar yang mengikuti kursus Aplikasi Komputer (DBC20012). Berikut adalah jadual 1 bagi demografi data kajian:

Jadual 1. Demografi Kajian

Data kajian	Frekuensi	Peratus
Jabatan	100	73.5
Jabatan Perdagangan (JP)	36	26.5
Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)		
Jantina	47	34.6
Lelaki	89	65.4
Perempuan		
Program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	73	53.7
Diploma Pemasaran (DPR)	27	19.8
Diploma Ukur Bahan (DUB)	36	26.5

Kajian ini secara keseluruhan melibatkan seramai 136 orang responden iaitu seramai 100 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan manakala seramai 36 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam. Dari segi jantina sebanyak 47 (34.6%) bilangan pelajar lelaki dan 89(34.6%) bilangan pelajar perempuan. Ini menunjukkan bilangan responden untuk kajian ini kebanyakannya adalah perempuan. Dari segi program didapati program Diploma Pengajian Perniagaan menunjukkan peratus bilangan responden yang tinggi iaitu 73 (53.7%). Sebaliknya peratusan bagi program Diploma Pemasaran dan Diploma Ukur Bahan adalah 27(19.8%) dan 36(26.5%) bilangan responden.

Soalan Kajiselidik

Soalan kajiselidik ini terbahagi kepada 3 bahagian yang terdiri daripada setiap aplikasi komputer:

Bahagian A: Kemahiran dalam Ms Word; Bahagian B: Kemahiran dalam Ms Excel;

Bahagian C: Kemahiran dalam Ms Powerpoint.

Soalan kajiselidik ini berbentuk pemilihan mengikut skor skala seperti jadual di bawah dengan berpanduan kepada skala likert.

Jadual 2. Skor skala bagi soalan kajiselidik

Sangat Tidak Mahir	Kurang Mahir	Sederhana Mahir	Mahir	Sangat Mahir
1	2	3	4	5

Dalam soalan kajiselidik ini pelajar diwajibkan menjawab semua soalan yang diberi dan perlu membuat penilaian secara peribadi terhadap tahap kemahiran pelajar dalam menggunakan

perisian aplikasi seperti Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint. Jadual 3 menunjukkan maklumat mengenai agihan soalan kajiselidik yang disediakan.

Jadual 3. Agihan soalan kajiselidik

Bahagian	Bilangan	Topik
A	12	Ms Word
B	13	Ms Excel
C	10	Ms Powerpoint

Penilaian Labwork

Permarkahan untuk penilaian Labwork telah digunakan untuk kajian ini. Penilaian ini dijalankan secara praktikal dan markah diambil ketika pelaksanaan penilaian di dalam makmal komputer. Sebanyak tiga 3 labwork telah dipilih untuk kajian ini yang mana Labwork 1 (Ms Word), Labwork 2 (Ms Excel) dan Labwork 3 (Ms Powerpoint). Nilai markah diambil dalam bentuk peratusan melalui Penilaian Kerja Kursus (PKK) pelajar dengan menggunakan rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Dalam penilaian labwork ini pelajar diminta untuk menyiapkan tugas seperti menyediakan poster menggunakan Ms Word untuk Labwork 1, menyediakan jadual pengiraan dan carta perbelanjaan menggunakan Ms Excel untuk Labwork 2 dan menyediakan slide dan video berkenaan dengan isu semasa menggunakan Ms Powerpoint untuk Labwork 3.

Data kajian soalan kajiselidik dan markah penilaian labwork di proses menggunakan perisian SPSS bagi tujuan analisa data kajian. Nombor Pendaftaran pelajar digunakan bagi memperolehi maklumat pelajar dan mengenalpasti pelajar yang terlibat dengan soalan kajiselidik dan pemarkahan labwork

Analisa Kajian

Analisis kebolehpercayaan data untuk kajian ini adalah pada nilai 9.75 alpha cronbach yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan data yang tinggi dan sesuai untuk dijalankan analisa kajian. Menurut Lily Hanefarezan et. al., 2018, indeks kebolehpercayaan item adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi kerana menghampiri nilai 1.0. Berdasarkan kepada analisa deskriptif bagi perspektif tahap kemahiran melalui soalan kajiselidik menunjukkan nilai minimum dan maksimum bagi kemahiran dalam Ms Word adalah 2.83 dan 5.00 nilai skor. Makakala tahap kemahiran bagi Ms Excel yang menunjukkan nilai minimum dan maksimum berada pada nilai 2.85 dan 5.00 agak tinggi sedikit berbanding Ms Word. Bagi kemahiran dalam Ms Powerpoint menunjukkan nilai minimum yang agak tinggi iaitu 3.00 dan 5.00 nilai maksimum. Nilai purata min bagi keseluruhan nilai skor menunjukkan pelajar memberi skor yang tinggi iaitu 4.53 bagi tahap kemahiran dalam Ms Powerpoint berbanding Ms Word dan Excel iaitu 4.35 dan 4.24 nilai skor. Secara keseluruhan di dapati pelajar memberi respon pada tahap mahir bagi perspektif dalam kemahiran menggunakan perisian aplikasi Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint seperti di jadual 4 dibawah.

Jadual 4. Analisa deskriptif bagi soalan kajiselidik

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
SKOR_WORD	136	2.83	5.00	4.3474	.53234
SKOR_EXCEL	136	2.85	5.00	4.2415	.55896
SKOR_POWERPOINT	136	3.00	5.00	4.5324	.50843
Valid N (listwise)	136				

Berbanding nilai pemarkahan bagi labwork yang menunjukkan nilai minimum dan maksimum yang sama iaitu 0 dan 100 bagi semua penilaian labwork. Pada jadual 5, penilaian bagi Labwork 2 menunjukkan nilai purata yang tinggi iaitu 89.45 markah berbanding Labwork 1 dan Labwork 3 iaitu 83.79 dan 83.23 markah di mana tahap kemahiran pelajar dalam Ms Powerpoint menunjukkan nilai terendah. Hasil daripada pemarkahan sebenar pelajar menunjukkan tahap pencapaian yang baik dalam menyelesaikan tugas yang diberi.

Jadual 5. Analisa deskriptif bagi penilaian labwork

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
LAB1	136	0	100	83.79	12.180
LAB2	136	0	100	89.45	14.321
LAB3	136	0	100	83.23	13.908
Valid N (listwise)	136				

a) Mengkaji perbandingan tahap signifikan bagi perspektif tahap kemahiran pelajar dengan pencapaian sebenar dalam penilaian.

Bagi mengkaji perbandingan tahap signifikan perspektif tahap kemahiran pelajar dengan pencapaian penilaian sebenar, ujian T-Test telah dijalankan ke atas data kajian. Hasil daripada analisa yang dijalankan adalah seperti pada Jadual 6, nilai kebarangkalian alpha adalah signifikan iaitu 0.00 bagi data kajian soalselidik. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang

signifikan antara kedua-dua pembolehubah iaitu perspektif tahap kemahiran tidak mempengaruhi pencapaian sebenar pelajar dalam penilaian labwork.

Begitu juga nilai kebarangkalian bagi data penilaian sebenar labwork yang menunjukkan nilai yang signifikan iaitu $p=0.00$ yang mana kurang daripada nilai alpha 0.05 dan didapati markah penilaian sebenar menunjukkan perbezaan yang signifikan. Oleh itu tahap kemahiran pelajar dalam penilaian sebenar tidak mempengaruhi perspektif tahap kemahiran pelajar melalui soalan kajiselidik.

Jadual 6. Analisa T-Test bagi data kajian

	Test Value = 0					
	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
					Lower	Upper
MEAN_Q	105.055	135	.000	4.37377	4.2914	4.4561
MEAN_LAB	95.583	135	.000	85.49020	83.7213	87.2591

Perbezaan yang signifikan ini adalah disebabkan pelajar telah membuat persediaan dalam menyelesaikan tugas yang diberi secara praktikal dan pelajar telah diberi banyak latihan menggunakan perisian aplikasi dan ini memudahkan pelajar menyiapkan tugas terutamanya yang melibatkan topik dalam Ms Word, Ms Excel dan Ms Powerpoint. Selain itu, didapati kebanyakan pelajar dapat menyiapkan tugas labwork mengikut kehendak soalan serta berpandukan rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan. Disebabkan hal ini ramai diantara pelajar yang memperoleh markah yang tinggi kerana berjaya memenuhi kehendak soalan yang diberi.

Selain daripada itu, ujian ANOVA sehala telah dilakukan bagi melihat tahap signifikan bagi setiap pencapaian penilaian Labwork 1 berbanding kemahiran Ms Word, Labwork 2 berbanding kemahiran Ms Excel dan Labwork 3 berbanding kemahiran Ms Powerpoint. Hasil dapatan bagi Jadual 7 menunjukkan data penilaian untuk Ms Word menunjukkan nilai kebarangkalian adalah $p=0.958$ iaitu tidak signifikan kerana tiada perbezaan yang ketara antara pembolehubah. Oleh itu hipotesis null diterima kerana perspektif tahap kemahiran pelajar mempengaruhi pencapaian pelajar dalam penilaian sebenar. Ini kerana pelajar telah menggunakan aplikasi Ms Word dari peringkat sekolah lagi terutama dalam menyiapkan kerja khusus dan apabila mereka telah memasuki institusi pengajian tinggi sudah tidak menjadi masalah dalam menyiapkan penilaian yang diberi oleh tenaga pengajar.

Pada Jadual 8 tahap kebarangkalian bagi kemahiran dalam Ms Excel adalah tidak signifikan kerana nilai alpha lebih daripada $p=0.05$ iaitu $p=0.793$ dan didapati tiada perbezaan yang ketara antara dua pembolehubah. Tahap kemahiran yang tinggi antara pembolehubah membolehkan pelajar berjaya menyiapkan tugas yang diberi mengikut kehendak soalan. Namun sebaliknya merujuk pada Jadual 9 tahap kemahiran dalam Ms Powerpoint menunjukkan

kebarangkalian berada pada tahap signifikan kurang daripada $p=0.05$ iaitu $p=0.00$ dan didapati terdapat perbezaan ketara antara pembolehubah. Oleh itu Hipotesis null ditolak kerana tahap kemahiran pelajar tidak memberi kesan terhadap penilaian sebenar pelajar.

Jadual 7. Analisa ANOVA Sehala untuk Labwork 1

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1977.846	23	85.993	.534	.958
Within Groups	18048.389	112	161.146		
Total	20026.235	135			

Jadual 8. Analisa ANOVA Sehala untuk Labwork 2

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	4034.074	25	161.363	.750	.793
Within Groups	23651.566	110	215.014		
Total	27685.640	135			

Jadual 9. Analisa ANOVA Sehala untuk Labwork 3

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	8847.914	18	491.551	3.331	.000
Within Groups	17266.020	117	147.573		
Total	26113.934	135			

b) Mengkaji hubungkait antara perspektif tahap kemahiran pelajar dengan pencapaian sebenar pelajar dalam penilaian.

Kajian mengenai hubungkait antara perspektif tahap kemahiran dengan pencapaian sebenar dalam penilaian dilakukan dengan menggunakan analisa korelasi. Dengan merujuk pada jadual 10 di bawah terdapat hubungan yang lemah antara perspektif tahap kemahiran dan tahap pencapaian sebenar pelajar iaitu pada nilai $r=0.265$. Hasil dapatan juga menunjukkan nilai kebarangkalian hubungkait antara kedua-dua data adalah signifikan iaitu $p=0.02$ dan terdapat perbezaan yang signifikan dan ini menunjukkan antara dua pembolehubah tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam penilaian sebenar.

Jadual 10. Analisa korelasi terhadap data kajian

		MEAN_Q	MEAN_LAB
MEAN_Q	Pearson Correlation	1	.265**
	Sig. (2-tailed)		.002
	N	136	136
MEAN_LAB	Pearson Correlation	.265**	1
	Sig. (2-tailed)	.002	
	N	136	136

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hubungan positif yang lemah ini didorong oleh banyak faktor dan perlu diperbincangkan semula terutamanya bagi tenaga pengajar bagi memastikan tidak terdapat jurang perbezaan yang ketara antara kedua-dua data kajian ini. Bagi memastikan wujudnya hubungan positif antara kedua-dua data kajian tenaga pengajar atau pendidik memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan pelajar aplikasi komputer.

CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil analisa, didapati terdapatnya hubungan yang tidak signifikan antara pembolehubah data yang melibatkan tahap kemahiran menggunakan perisian Ms Word dan Ms Excel. Dimana persepsi tahap kemahiran tidak terdapat perbezaan yang ketara antara setiap pembolehubah. Tetapi sebaliknya terdapat hubungan yang signifikan bagi kemahiran menggunakan Ms Powerpoint. Hal ini terjadi kerana kurangnya persediaan pelajar dalam menyelesaikan tugas yang diberi serta pelajar tidak menyiapkan tugas labwork mengikut kriteria pemarkahan yang ditetapkan.

Oleh itu, pendidik memainkan peranan yang penting dengan menggunakan teknik pengajaran yang berkesan kepada pelajar seperti demonstrasi jalan kerja, perbentangan, penyediaan nota yang interaktif serta memberi lebih banyak latihan bagi meningkatkan tahap kemahiran pelajar dalam penggunaan perisian aplikasi.

Selain itu, penerangan yang jelas mengenai kriteria pemarkahan untuk labwork kepada pelajar dapat membantu pelajar menyiapkan tugas dengan lebih baik dan memenuhi kriteria pemarkahan. Pensyarah juga boleh menunjukkan jalan kerja yang jelas secara terperinci bagi membolehkan pelajar mengingat jalan kerja dengan mudah. Ini kerana kebanyakan pelajar tidak dapat mengikuti keseluruhan jalan kerja kerana mempunyai tahap kemahiran yang rendah

dalam menggunakan komputer serta ada pelajar yang baru pertama kali mempelajari menggunakan perisian aplikasi Microsoft secara mendalam.

Memandangkan terdapat hubungan yang lemah antara persepsi tahap kemahiran dan kemahiran sebenar pelajar dalam penilaian labwork, dengan penganjuran program berkaitan penggunaan komputer kepada pelajar seperti pertandingan menghasilkan banner dan video pembelajaran yang kreatif dan interaktif dapat membantu pelajar untuk meningkatkan tahap kemahiran dalam menggunakan aplikasi perisian Microsoft. Di samping itu program ini dapat mencungkil bakat pelajar dalam menghasilkan inovasi yang kreatif dan bermanfaat.

Pensyarah juga perlu sentiasa memantau tahap pencapaian pelajar lemah yang mempunyai tahap penilaian yang rendah dengan mengadakan bengkel, kursus serta pendedahan teknik pengajaran yang berkesan supaya dapat memupuk minat pelajar terhadap kursus ini. Sikap pelajar yang positif akan dapat mempengaruhi tahap pencapaian dan kemahiran pelajar dalam menggunakan komputer.

KESIMPULAN

Merujuk kepada kajian yang dijalankan, didapati persepsi tahap kemahiran dengan penilaian sebenar adalah sangat signifikan bagi kemahiran menggunakan Ms Powerpoint berbanding dengan kemahiran dalam menggunakan Ms Word dan Ms Excel. Ini menunjukkan hipotesis nol ditolak kerana terdapat perbezaan yang ketara antara setiap pembolehubah. Hal ini menunjukkan tahap kemahiran pelajar dalam Ms Powerpoint adalah rendah walaupun pelajar memberi jawapan persepsi yang tinggi terhadap Ms Powerpoint. Namun begitu nilai purata bagi keseluruhan persepsi tahap kemahiran dan penilaian labwork berada pada tahap sangat mahir dan cemerlang. Ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam menggunakan perisian ini berada pada tahap yang memuaskan. Sungguhpun begitu masih terdapat juga pelajar yang memperolehi markah yang rendah dalam penilaian sebenar.

Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara setiap pembolehubah, di mana persepsi pelajar tidak mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dengan memberi tahap persepsi yang tinggi dalam perisian aplikasi Microsoft tetapi memperolehi markah penilaian yang rendah. Oleh itu pensyarah perlu memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan tahap kemahiran sebenar pelajar sebagai persediaan pelajar dalam menempuh alam pekerjaan.

RUJUKAN

- Al-mashaqbeh, Ibtesam Fares. The Use of Computer Skills in Teaching and Administration Support. Journal. 2012; Vol. 28, No (4): (Damascus University Journal)
- Akarsu B., Akbiyik C. Relationships among Perceived Computer Literacy Skills, Computer Attitudes, and Computer Self-Efficacy Levels. JEE ISSN 2146-2674 Volume 2. 2012.
- Bailey J. & Stefaniak G. Industry perceptions of the knowledge, skills, and abilities needed by computer programmers. Industry perceptions of the knowledge, skills, and abilities needed by computer programmers; (Proceedings of the ACM SIGCPR Conference.)
- Çağlar M. & Demirok S. Students' computer skills in faculty of education. Cypriot Journal of Educational Sciences. 2010; (Cypriot Journal of Educational Sciences)

- Faekah T., Tengku B. & Abstrak A. 75 Gender Differences in Computer Attitudes and Skills. *Jurnal Pendidikan*. 2005 *Jurnal Pendidikan* 30 (2005) 75 – 91. 75-91. (*Jurnal Pendidikan*)
- Grant D., Malloy A., & Murphy M. Comparison of Student Perceptions of their Computer Skills to their Actual Abilities Comparison of Student Perceptions. *Journal of Information Technology Education*. 2009;(*Journal of Information Technology Education*)
- Hunt, C., & Perreault, H. Organizational & end-user information systems: A compendium of resources and materials. *Office Systems Research Journal*. 1999; 17(1): 37-49. (*Office Systems Research Journal*)
- Johnson, D., Bartholomew, K., & Miller, D. Improving computer literacy of business management majors: A case study. *Journal of Information Technology Education*. *Journal of Information Technology Education*. 2008; 5: 77-97. (*Journal of Information Technology Education*)
- Lily Hanifarizan A. Maimun Aqsha L., Ashinda A & Mus;ab S. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 2018; SI 1 (1): 131-140. (*Jurnal Pendidikan Malaysia*)
- Mehmet Ç. & Mukaddes S. Students' computer skills in faculty of education. *Cypriot Journal of Educational Sciences*. 2010; (*Cypriot Journal of Educational Sciences*)
- Parker, D., Bailey, J. and Mitchell, R.B. Developing Nontechnical Competencies of IS Professionals Through Technological Applications. Southwest Administrative Systems track of the Southwestern Federation of Administrative Disciplines Conference; March 10- 13, 1999; Southwestern Federation.; 1999. (*Proceedings of the Southwest Administrative Systems track of the Southwestern Federation of Administrative Disciplines Conference*)
- Prabhavathi K., Balaji R., Thilip K., & Saravanan A. Knowledge and perspective on the application of computer and Internet in medical curriculum among first-year medical students. *National Journal of Physiology, Pharmacy and Pharmacology*. 2010; (*National Journal of Physiology, Pharmacy and Pharmacology*)
- Stratham, D., & Torell, C. Computers in the classroom: The impact of technology on student learning. *LSS Spotlight on Student Success Digest*. 1996; No. 206 (*LSS Spotlight on Student Success Digest No. 206.*)
- Wang, S. An examination of the introductory MIS Course. *Journal of Information Technology Education*. 2008; 6: 136-152. (*Journal of Information Technology Education*)